

Tangani kekurangan pakar bagi industri plastik, logam menjelang 2015

MIA sasar 5,700 pakar jurutera



JACOB Dungau Sagan (tengah) bersama Mohamad Madani Sahari (kanan) dan Yuserrie Zainuddin melihat enjin kereta di bilik kedap bunyi ketika melawat ke Fakulti Mekanikal Universiti Malaysia Pahang di Kuantan, kelmarin.

Oleh ZAMZURINA AHMAD
utusanpahang@utusan.com.my

PEKAN 17 Mei - Institut Automotif Malaysia (MIA) mensasarkan melahirkan sebanyak 5,700 pakar dalam bidang kejuruteraan automotif bagi industri berasaskan plastik dan logam menjelang 2015.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Jacob Dungau Sagan berkata, sasaran itu dibuat dengan melibatkan pelajar dari universiti tempatan dalam menangani kekurangan pakar dalam bidang tersebut.

Menurutnya, MIA yang merupakan agensi di bawah kementerian itu dibangunkan sebagai pusat penyelarasan bagi mengenal pasti kekurangan pakar dan tenaga kerja dalam bidang tersebut.

"Pelajar yang terlibat akan menjalani latihan industri di syarikat terpilih dan memperoleh pengalaman serta kemahiran terbaik sebelum memasuki pasaran pekerjaan kelak," katanya kepada pemberita selepas menyaksikan majlis memorandum perjanjian antara MIA dan Universiti Malaysia Pahang (UMP) di sini semalam.

Hadir sama Ketua Pegawai Eksekutif MIA, Mohamad Madani Sahari dan Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMP, Profesor Dr. Yuserrie Zainuddin.

Kita berharap dengan usaha sedemikian akan melahirkan lebih ramai jurutera yang berkemahiran tinggi dan dalam masa sama dapat mengelak daripada berlakunya pengangguran

JACOB DUNGAU SAGAN
Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri

Menurut Jacob, sehingga kini terdapat 61 graduan daripada UMP dan 59 graduan dari Universiti Teknologi Mara (UiTM) terlibat dalam program itu.

Jelasnya, tiga fasa dalam program yang ditawarkan oleh institut tersebut antaranya mereka akan menjalani latihan industri di syarikat yang dipilih sehingga tamat pengajian.

"Justeru, kita berharap dengan usaha sedemikian akan melahirkan lebih ramai jurutera yang berkemahiran tinggi dan dalam masa sama dapat mengelak daripada berlakunya pengangguran," katanya.